


'Saya mohon maaf, akan baiki kekurangan, kesilapan' - Khairy

[Muhammad Yusri Muzamir](#)

yusri.muzamir@bh.com.my



GAMBAR hiasan. FOTO Aswadi Alias

Kuala Lumpur: Pelaksanaan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) akan terus ditambah baik termasuklah dengan memastikan tidak berlaku kesesakan di pusat pemberian vaksin (PPV).

Aspek berkenaan akan diberi perhatian khusus, termasuk penguatkuasaan prosedur operasi standard (SOP) lebih ketat apabila lebih banyak PPV secara terus atau 'walk-in' akan dilaksanakan di negeri lain nanti.

Menteri Penyelaras PICK, Khairy Jamaluddin berkata, isu suntikan kosong yang tular sebelum ini juga dianggap serius, selain garis panduan mengenainya sudah dikeluarkan kepada setiap petugas vaksinasi bagi mengelak daripada berulang.

"Walaupun isu kesesakan dan suntikan kosong ini terpencil dan tidak mencerminkan keseluruhan pelaksanaan PICK di lebih 2,000 PPV di seluruh negara, namun suatu kesilapan masih tetap suatu kesilapan.

"Saya memohon maaf atas kejadian yang berlaku dan akan terus menambah baik kekurangan dan kesilapan bagi memastikan perkara sama tidak terus berulang," katanya dalam ucapan khas, hari ini.

Trending




[Muhyiddin meninggalkan Istana Negara](#)



[Muhyiddin menghadap Agong \[METROTV\]](#)



[Kini aku menyesal](#)



['Dulu lebih 200, sekarang sekitar 20 pesakit sahaja' - Pengarah HKL](#)



[Terbeban bayar sewa bulanan, Atu Zero bakal tutup kedai](#)

Sementara itu, Khairy berkata, ketika ini negara belum menetap atau meluluskan piawaian atau standard berkaitan ujian antibodi apabila tular dakwaan prosedur berkenaan boleh mengesan tahap antibodi dalam badan selepas menerima vaksin Covid-19 yang ditawarkan beberapa pihak swasta.

Beliau yang juga Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi tidak mengesyorkan ujian itu dilakukan ketika ini, selaras dengan syor Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit (CDC) dan Pentadbiran Makanan dan Ubat-ubatan (FDA) Amerika Syarikat.

Bagaimanapun, katanya, Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) Kementerian Kesihatan (KKM) ketika ini sedang menjalankan kajian terperinci bagi meneliti tahap tindak balas imun susulan vaksinasi dengan keputusan mengenainya akan dimaklumkan kelak.

"Kita juga akan memulakan vaksinasi kepada golongan individu berusia 12 hingga 17 tahun yang mempunyai rekod penyakit kronik dan berada dalam kumpulan berisiko tinggi dan akan disusuli kumpulan remaja lain.

"Keputusan pemberian vaksin bagi golongan ini mengambil kira saranan dan pandangan jawatankuasa kerja teknikal Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Vaksin (JKJAV) dengan maklumat lanjut pelaksanaannya akan diumumkan pada minggu depan," katanya.

Beliau berkata, PICK ketika ini giat melaksanakan pemberian vaksin kepada bukan warganegara, termasuk pelarian menerusi kerjasama dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) berkaitan bagi membolehkan pelaksanaannya dibuat dengan lancar dan tersusun.

"Individu di penjara dan pusat tahanan juga akan menerima vaksin Covid-19. Ini adalah sangat penting memandangkan tiada yang selamat hingga semuanya selamat. Selain daripada boleh dijangkiti, mereka juga boleh menjangkiti individu lain.

"Kita ketika ini berada di landasan tepat untuk mencapai sasaran ditetapkan apabila semakin ramai menerima vaksin dalam masa terdekat, selain lebih banyak sektor ekonomi dapat dibuka dan lebih ramai orang dapat menjalani kehidupan lebih baik.

"Insya-Allah, janji saya, kita akan selesai pemberian vaksin kepada semua penduduk dewasa di Malaysia dan kita dapat pulihkan semula negara tercinta ini, menjelang Oktober nanti," katanya.

Disiarkan pada: Ogos 15, 2021 @ 7:27pm

Artikel Berkaitan

Mutakhir



MyResipi



Ini Rahsia Buat Laksa Sarawak Yang Sedap, Semerbak Bau Satu Rumah!



Resipi Rojak Mee Turun Temurun Yang Dibuat Niaga, Wajib Cuba!



Wanita Ini Kongsi 'Teknik' Buat Kek Butter Kampung Jadi Lebih Sedap



Cara Buat Air Oren Rasa Ala Vitagen, Guna 2 Bahan Je!



Isi Ayam Asyik Tak Laku? Masak Begini 'Confirm' Habis Anak Beranak Makan



OhBulan

[\[VIDEO\] Bomba Terpaksa 'Gergaji' Mesin Basuh Selamatkan Kanak-Kanak Tersekat](#)



[Artis Mexico Teruja Hamil Di Usia 68 Tahun, Bakal Pecah Rekod](#)



[Video Menangis PM Nak Letak Jawatan Jadi Perhatian, Mila Jirin Nafi 'Dibayar'...](#)



[Fobia Dengan Covid-19, Lelaki Warga Malaysia Kurung Diri & Anak Di Hatyai](#)



[Tak Tahan Kena Ejek Single, Lelaki Pukul Sampai Mati Kawan Baik Sendiri](#)

SirapLimau



[Baru Sejam Kehilangan Ibu, Jadi Yatim Piatu Selepas Ayah Pula 'Pergi' Akibat...](#)



[Batuk Tak Henti Sampai Berjam-Jam, Ini Kesan Varian Lambda 'Kebal' Vaksin](#)



[Resipi Red Ruby Thai Guna Bunga Telang, Warna Lain Dari Yang Lain](#)



[Walaupun 'Semulajadi' Ini Kesan Sampingan Essential Oil Yang Ibu Perlu Alert](#)



[Ayah Kongsi Cara DIY Playhouse Anak-Anak, Boleh Jadi Tempat Rehat](#)



MUTAKHIR

[Akan buka PPV di sektor perkilangan, perindustrian \[METROTV\]](#)




MUTAKHIR

[Rundingan semula dengan syarikat pembekal vaksin, percepatkan penghantaran bekalan \[METROTV\]](#)



MUTAKHIR

[Malaysia terima lebih 12 juta dos vaksin bulan ini](#)



MUTAKHIR

[Semak semula alamat dalam MySejahtera untuk vaksinasi - Khairy \[METROTV\]](#)

Disyorkan untuk anda

Iklan oleh



[Study shows antibodies from Sinovac's Covid...](#)

Straits Times



[Ivanka Trump and Jared Kushner Lease...](#)

Mansion Global



[Petaling Jaya: Liquidation Of Unsold 2020...](#)

SUV Deals | Search Ads



[5 Positi Ene...](#)

[Read more](#)

Energy Watch



[\\$29 Japanese Kitchen Knife Cuts Through...](#)

Huusk Knives



[UK Opens Up: A Deadly Gamble With COVID-19?](#)

CNA In Conversation

[Watch More](#)



[Fast Lane: Honda's latest Civic arrives, V...](#)

Straits Times



[Find the best way for scanning your old photos](#)

Photomyne

[Learn More](#)



Hubungi Kami
Team myMetro
RSS Feed
Disclaimer
Notis Perlindungan
Data Peribadi

Utama
Mutakhir
Global
Arena
Rap/Rapxtra
Bisnes
MetroTV

Akademia
#ITMetro
Ku Bela
Santai
P&P
Dekotaman
WM

Addin
Rencana
Sihat
Xpresi
Vroom
Galeri
Infografik